

# SKIM BANTUAN ZAKAT ASNAF MUALAF: SATU ANALISIS KONTEMPORARI DI MALAYSIA<sup>1</sup>

Azman, A.R.<sup>2</sup>, Irwan, M.S<sup>3</sup>, Nuradli Ridzwan Shah, M.D<sup>4</sup>, Mahazan,  
A.M<sup>5</sup>, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R<sup>6</sup>, Rose Irnawaty, Ibrahim<sup>7</sup> &  
Norlina Ismail<sup>8</sup>



<sup>1</sup> Kertas Kerja ini dibentangkan di Kongres Pendidikan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (ECNA 2015), pada 11 Jun 2015, anjuran Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang telah diluluskan dan dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di bawah Geran Kompetitif USIM, kod penyelidikan: PPP/UTG-0213/FSU/30/13013. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia yang telah membiayai penyelidikan ini dan sentiasa memberikan sokongan dan galakan dalam usaha menyempurnakan penyelidikan ini.

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: azman@usim.edu.my

<sup>3</sup> Prof. Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang dan Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: irwan@usim.edu.my

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: nuradli@usim.edu.my; mohdddalins@yahoo.com

<sup>5</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: mahazan@usim.edu.my

<sup>6</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: wmfazrul@usim.edu.my

<sup>7</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: rose.irnawaty@usim.edu.my

<sup>8</sup> Calon Pelajar Sarjana Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: linaismail29@gmail.com

## **ABSTRACT**

*Conversion to Islam among the new converts in Malaysia increasing every year. This positive development should be given proper attention, especially in terms of welfare, social support and increase their understanding of Islam, with the intention that they have not turn them back to their religion of origin. Zakat institution is one of the institutions responsible for the management of monetary aid and other aid schemes to the new converts. Giving zakat fund aid schemes to convert is one of the social security to encourage and support them to continue to adhere to the religion of Islam. The purpose of this article is to identify the zakat aid schemes provided by every state in Malaysia. In addition, this article analyzes the types of aid schemes provided by each state in Malaysia to propose additional aid scheme which should be implemented by certain states. The findings suggested that a number of improvements to the scheme of aid recipients of zakat to be considered by the Religious Council in every state in Malaysia to be implemented to ensure the survival of converts. Hopefully this article can be a guide to the management of zakat especially Religious Council in every state in Malaysia to administer and manage the zakat management system by systematic and efficient.*

**Keywords:** *Converts, Zakat Scheme, Zakat Distribution in Malaysia, Social Security, Zakat Management System.*

## **ABSTRAK**

*Pemelukan Islam dalam kalangan saudara baru di Malaysia dilihat semakin meningkat saban tahun. Perkembangan positif ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya terutamanya dari sudut kebajikan, sokongan sosial dan peningkatan kefahaman mereka terhadap agama Islam agar mereka tidak kembali kepada agama asal mereka. Institusi zakat merupakan salah satu institusi yang bertanggungjawab dalam pengurusan bantuan berbentuk kewangan dan skim bantuan lain kepada golongan yang baru memeluk Islam atau mualaf. Pemberian skim bantuan zakat kepada asnaf mualaf merupakan salah satu jaminan sosial untuk memberi galakan dan sokongan kepada mereka untuk terus berpegang teguh dengan agama Islam. Objektif artikel*

*ini adalah untuk mengenal pasti skim-skim bantuan yang disediakan oleh setiap negeri di Malaysia. Artikel ini turut menganalisis jenis skim bantuan yang disediakan oleh setiap negeri di Malaysia dengan mengemukakan cadangan skim bantuan tambahan yang wajar dilaksanakan oleh negeri-negeri tertentu. Hasil kajian mencadangkan beberapa penambahbaikan terhadap skim bantuan zakat kepada asnaf mualaf supaya dapat dipertimbang oleh Majlis Agama Islam di setiap negeri di Malaysia untuk dilaksanakan bagi menjamin kelangsungan hidup asnaf mualaf. Diharapkan artikel ini dapat menjadi panduan kepada pihak pengurusan zakat khususnya Majlis Agama Islam di setiap negeri di Malaysia dalam mentadbir dan menguruskan sistem pengurusan zakat secara sistematik dan efisien.*

Kata kunci: *Asnaf Mualaf, Skim Bantuan Zakat, Agihan Zakat di Malaysia, Analisis Bantuan Zakat dan Sistem Pengurusan Zakat.*

## PENDAHULUAN

Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang disyariatkan oleh Allah SWT sebagai medium penyucian harta serta perkongsian kekayaan dalam kalangan umat Islam. Objektif pensyariaan zakat antaranya adalah bagi memajukan serta mengukuhkan ekonomi umat Islam. Zakat dapat memberikan ketenteraman jiwa dan mendidik manusia agar lebih bersyukur. Sebagaimana firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: “Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana Sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka, dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.”

(al-Quran. al-Tawbah 9: 103)

Pengagihan zakat secara sistematik terbukti mampu membebaskan umat Islam daripada belenggu kemiskinan. Setiap individu muslim

yang tergolong dalam golongan asnaf yang disyariatkan oleh Allah SWT berhak mendapat bahagian dalam agihan zakat. Allah SWT mensyariatkan harta zakat dibahagikan kepada lapan golongan asnaf yang dinyatakan secara jelas berdasarkan firman Allah SWT:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ۝۶۰ ﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) Dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnyanya) dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*

(al-Quran. al-Tawbah 9: 60)

Berdasarkan ayat di atas, terdapat lapan kategori asnaf yang berhak menerima bahagian zakat dalam Islam iaitu asnaf fakir, miskin, amil, orang yang dijinakkan hati (mualaf), al-riqab, al-gharimin, ibnu sabil dan fi sabilillah. Salah satu golongan yang berhak menerima bahagian zakat sepertimana yang disebutkan dalam ayat di atas adalah golongan mualaf. Mualaf merupakan golongan yang baru memeluk agama Islam yang perlu diberi perhatian sewajarnya untuk mengelakkan golongan ini kembali kepada agama asal mereka. Dari sudut pengagihan dana zakat, skim-skim yang disediakan perlulah menepati keperluan asnaf mualaf supaya dana yang disumbangkan mampu menampung keperluan asnaf sekaligus dapat menguatkan keyakinan mereka terhadap agama Islam. Fokus artikel ini adalah untuk mengenal pasti skim-skim bantuan zakat yang disediakan oleh setiap negeri di Malaysia. Artikel ini juga menganalisis bentuk skim bantuan zakat yang disalurkan kepada asnaf mualaf serta mencadangkan beberapa penambahbaikan terhadap skim-skim sedia ada yang disediakan oleh setiap negeri di Malaysia.

## METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini menggunakan kaedah kajian berbentuk kualitatif. Pengumpulan data dalam kaedah kualitatif adalah melalui dua kaedah kajian iaitu melalui kajian teks dan kajian lapangan yang menggunakan kaedah temubual (*interview*). Manakala metode analisis data menggunakan kaedah induktif. Artikel ini menggunakan 15 sampel skim yang didapati daripada unit Baitulmal, Majlis Agama Islam dan Pusat Zakat di setiap negeri di Malaysia termasuk Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

### Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data dalam artikel ini menggabungkan dua bentuk kajian utama iaitu kajian perpustakaan (*library research*) dan kajian lapangan (*field research*).

### Kajian Perpustakaan (*Library Research*)

Kaedah ini melibatkan kajian perpustakaan atau dokumentasi yang akan mencungkil perkara berkaitan dengan pentafsiran asnaf mualaf menurut pandangan fuqaha. Melalui kajian teks juga, penulis akan mengkaji nilai semasa dan setempat yang boleh mempengaruhi pentafsiran asnaf mualaf. Ia tidak tertumpu kepada buku semata-mata, tetapi juga melalui jurnal, laporan tahunan, majalah, akhbar, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri serta warta kerajaan.

### Kajian Lapangan (*Field Research*)

Melalui kaedah ini, beberapa responden yang terlibat secara langsung dengan urusan pengagihan zakat ditemubual untuk melihat secara lebih dekat lagi mengenai realiti yang berlaku dalam sistem pengagihan zakat kepada golongan mualaf. Untuk menganalisis data yang diperoleh, metodologi yang digunakan ialah melalui analisis induktif, deduktif (*istiqrā'i*) dan komparatif (*muqaranah*). Cara yang digunakan ialah dengan menganalisis pandangan fuqaha tentang tafsiran asnaf mualaf dengan terlebih dahulu mencari titik persamaan dan perbezaan antara pandangan mereka untuk mendapatkan aspek-aspek yang ditekankan dalam pentafsiran masing-masing. Seterusnya, aspek-aspek ini akan dinilai satu persatu dengan melihat kepada dalil daripada al-Quran

dan hadis. Kemudian, penulis membandingkannya dengan realiti yang berlaku pada masa kini dan menganalisis perkara ini sebelum mengeluarkan satu kesimpulan yang mantap.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Melalui artikel ini, penyelidik akan mengenal pasti beberapa maklumat mengenai tafsiran asnaf mualaf daripada pelbagai dimensi, seterusnya menyenaraikan bentuk-bentuk skim bantuan zakat yang diagihkan kepada asnaf mualaf oleh setiap negeri di Malaysia serta menganalisis skim bantuan zakat yang disalurkan kepada asnaf mualaf.

### Definisi Mualaf

Mualaf didefinisikan melalui pelbagai dimensi dan perspektif para fuqaha terdahulu dan kontemporari. Negeri-negeri di Malaysia turut memberikan definisi mualaf yang pelbagai menurut kepelbagaian negeri masing-masing. Dalam artikel ini, penulis tidak memberikan penekanan kepada definisi mualaf secara mendalam, tetapi lebih memberikan fokus terhadap skim-skim yang disediakan oleh institusi-institusi zakat di seluruh negara.

### Mualaf Menurut Bahasa

Mualaf secara literalnya berasal daripada perkataan bahasa Arab '*allafa*', yang bermaksud menjadikan sesuatu angka itu seribu, mengumpulkan sesuatu antara satu dengan yang lain dan mengarang buku (Ibn Manzur, 1996).

Menurut al-Marbawiyy pula, muafaf bermaksud orang yang baru (memeluk) Islam. Perkataan ini berasal daripada perkataan *alifa*, *ya' lifu*, *ilfan*. *Alifahu* pula bermaksud suka atau gemar ia akan dia atau menjinaki. Manakala *allafa baynahum* bermaksud memperkasihkan antara mereka itu (Al-Marbawiyy, t.th).

*Mu'jam Lughah al-Fuqaha'* mendefinisikan muafaf sebagai seseorang yang diberi zakat untuk melembutkan hati mereka supaya memeluk Islam (Qal'ajiyy, 2010).

Menurut Kamus Dewan, muafaf bermaksud orang yang baru memeluk agama Islam, saudara baru (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010).

### Jenis Skim Bantuan/ Agihan Zakat Mualaf Menurut Negeri-Negeri Di Malaysia

Skim bantuan zakat yang disediakan bagi asnaf mualaf adalah berbeza mengikut negeri-negeri di Malaysia. Antara skim-skim bantuan yang disalurkan kepada asnaf mualaf adalah seperti berikut:

Negeri	Jenis dan Skim Bantuan/ Agihan
<b>Pulau Pinang</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembasmian Kemiskinan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan Kebajikan Saudara Baru (Mualaf)</li> <li>• Saguhati Hari Raya (Fakir/Miskin/Mualaf)</li> </ul> </li> <li>2. Pembangunan Pendidikan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelas dan Pengajian Saudara Baru di Institut Pengajian Tinggi (IPT), pondok, Institut Dakwah Islamiah PERKIM dan sebagainya (Mualaf)</li> </ul> </li> <li>3. Pembangunan Modal Insan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumbangan kepada aktiviti-aktiviti saudara baru anjuran Unit Ukhwah JAIPP (Mualaf)</li> </ul> </li> <li>4. Peningkatan Taraf Kesihatan                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan Perubatan Saudara Baru (Mualaf)</li> </ul> </li> <li>5. Pengurusan Institusi Islam                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumbangan kepada Pengurusan dan Pentadbiran Darul Hidayah (Rumah Transit Saudara Kita) (Mualaf)</li> </ul> </li> </ol>
<b>Selangor</b>	Asnaf Mualaf (Umum) <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saguhati Hari Raya</li> <li>2. Pembinaan Rumah Berkelompok</li> <li>3. Percetakan dan Penerbitan</li> <li>4. Program Ceramah</li> <li>5. Sumbangan Badan/Persatuan Mualaf</li> <li>6. Bantuan Kecemasan/Runcit</li> <li>7. Bantuan Pengurusan Unit Dakwah</li> <li>8. Peralatan dan Selenggaraan Computer</li> <li>9. Aset Mualaf</li> <li>10. Bantuan Berkhatan</li> </ol>

Negeri	Jenis dan Skim Bantuan/ Agihan
	<ol style="list-style-type: none"> <li>11. Bantuan Perkahwinan</li> <li>12. Saguhati Galakan</li> <li>13. Sambutan Hari Kebesaran Islam</li> <li>14. Pembinaan Rumah Individu</li> <li>15. Membaikpulih Rumah</li> <li>16. Bantuan Sewa Rumah</li> <li>17. Pengurusan Jenazah</li> <li>18. Bantuan Kewangan Bulanan</li> <li>19. Elaun Kakitangan Unit Dakwah</li> <li>20. Bantuan Modal</li> <li>21. Kursus/Latihan</li> <li>22. Aktiviti/Lawatan Sambil Belajar</li> <li>23. Elaun Kelas Agama Asas</li> <li>24. Elaun Guru Kelas Agama Asas</li> </ol> <p>Asnaf Mualaf (Pendidikan)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bantuan Umum Pelajaran</li> <li>2. Dermasiswa Mualaf</li> </ol> <p>Agihan melalui program khusus:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Program Pembangunan Ekonomi <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan Modal (Fakir/Miskin/Mualaf)</li> </ul> </li> <li>2. Program Pembangunan Insan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus Intensif Saudara Kita (Asas)</li> <li>• Kursus Intensif Saudara Kita (Lanjutan)</li> </ul> </li> </ol>
<b>Kedah</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bantuan Kepada Saudara Baru Permulaan.</li> <li>2. Bantuan Perkahwinan Saudara Baru</li> <li>3. Pusat Bimbingan Islam (PUSBA)- Bantuan Tahunan</li> <li>4. Perbelanjaan Pembangunan Pusat Bimbingan Dan Latihan Saudara Baru (PUSBA)</li> </ol>
<b>Terengganu</b>	<p>Bantuan Asnaf Mualaf:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Skim Bantuan Bulanan</li> <li>2. Skim Bantuan Sara Hidup</li> <li>3. Skim Bantuan Sekolah</li> <li>4. Skim Bantuan Modal Perniagaan</li> <li>5. Skim Bantuan Membaiki Rumah</li> </ol>



Negeri	Jenis dan Skim Bantuan/ Agihan
	<ol style="list-style-type: none"> <li>6. Skim Bantuan Segera</li> <li>7. Skim Bantuan Dermasiswa (IPTS/IPTA)</li> <li>8. Skim Bantuan Agensi Kebajikan/NGO</li> <li>9. Skim Bantuan Hari Raya</li> <li>10. Skim Bantuan Perubatan</li> <li>11. Skim Bantuan Perkahwinan Mualaf</li> <li>12. Skim Bantuan Sewa Rumah</li> <li>13. Skim Bantuan Musibah/Bencana Alam</li> <li>14. Skim Bantuan Pondok/Madrasah</li> </ol>
<b>Johor</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bantuan Sara Hidup</li> <li>2. Bantuan Berdikari</li> <li>3. Bantuan Perubatan</li> <li>4. Saguhati Duit Raya</li> <li>5. Saguhati Kelas Pengajian</li> <li>6. Sumbangan Kelas Pengajian di Darul Ukhuwah</li> <li>7. Sumbangan Program Peringkat Daerah / Negeri</li> </ol>
<b>Negeri Sembilan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saguhati kemasukan Islam</li> <li>2. Kursus Mualaf</li> <li>3. Bantuan Kebajikan Mualaf</li> <li>4. Membaiki Rumah dan sewa rumah</li> <li>5. Bantuan Perkahwinan Mualaf</li> <li>6. Bantuan Modal dan Perniagaan</li> <li>7. Bantuan Berkhatan</li> <li>8. Dermasiswa Mualaf</li> <li>9. Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan Mualaf</li> <li>10. Bantuan Ramadhan</li> <li>11. Kompleks Sa'adah</li> </ol>
<b>Pahang</b>	<p>Mualaf</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saguhati Memeluk Agama Islam</li> <li>2. Bantuan Tahunan (Hari Raya)</li> <li>3. Sumbangan Kepada Badan Pertubuhan Serta Elaun Pendakwah Mualaf</li> <li>4. Kelas Bimbingan Mualaf</li> <li>5. Sewaan Bangunan Bagi Kursus Mualaf</li> <li>6. Pusat Latihan Mualaf</li> </ol>

Negeri	Jenis dan Skim Bantuan/ Agihan
<b>Melaka</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saguhati Pemeluk Islam</li> <li>2. Bantuan Makanan Bulanan (Jika Layak)</li> <li>3. Bantuan Pakaian Sekolah</li> <li>4. Bantuan Persediaan Ramadhan</li> <li>5. Bantuan Pekerja Sukarelawan</li> <li>6. Bantuan Perniagaan (Kewangan)</li> <li>7. Bantuan Perniagaan (Peralatan)</li> <li>8. Kelas Asas Fardhu Ain</li> <li>9. Bimbingan dan Khidmat Nasihat</li> <li>10. Program Ziarah</li> <li>11. Program Ukhuwwah Saudara Baru (Orang Asli)</li> <li>12. Perkhidmatan Berkhatan</li> <li>13. Sumbangan Mengerjakan Umrah</li> <li>14. Bantuan Am</li> </ol>
<b>Sabah</b>	<p>Skim Agihan: Sosial</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bantuan Am</li> <li>3. Bantuan Guaman</li> <li>4. Bantuan Hari Raya</li> <li>5. Bantuan Meraikan Saudara Baru</li> <li>6. Bantuan Sara Hidup Sementara</li> <li>7. Bantuan Kewangan Perubatan</li> <li>8. Bantuan Pembedahan Kronik</li> <li>9. Bantuan Bayaran Bil Perubatan</li> <li>10. Bantuan Tiket Penerbangan Pesakit dan Pengiring Pesakit</li> <li>11. Bantuan Kewangan Pengiring Pesakit</li> <li>12. Bantuan Alat Ganti Anggota Badan (Palsu)</li> <li>13. Bantuan Alat Perubatan/Sokongan Hayat</li> <li>14. Bantuan Membina Rumah</li> <li>15. Bantuan Membaikpulih Rumah</li> <li>16. Bantuan Sewa Rumah</li> <li>17. Bantuan Pemasangan Utiliti</li> </ol>

Negeri	Jenis dan Skim Bantuan/ Agihan
	<p>18. Bantuan Pengurusan Jenazah</p> <p>19. Bantuan Pengurusan Jenazah Tanpa Waris</p> <p>20. Bantuan Membina Surau (Kawasan Saudara Baru)</p> <p>21. Bantuan Pengurusan Badan/Pertubuhan/Kelas Bimbingan Saudara Baru</p> <p>22. Bantuan Pelajar (Sekolah)</p> <p>23. Bantuan Rawatan Dialisis (Persendirian)</p> <p>24. Bantuan Rawatan Dialisis (MUIS-NKF)</p> <p>25. Bantuan Pembangunan Fardhu Kifayah</p> <p>Skim Agihan: Ekonomi</p> <p>1. Bantuan Menghadiri Bengkel/Kursus/Seminar Keusahawanan</p> <p>2. Bantuan Modal Perniagaan (Berkelompok)</p> <p>3. Bantuan Modal Perniagaan (Individu)</p> <p>4. Bantuan Modal Perniagaan (Runcit)</p> <p>5. Bantuan Modal Perniagaan (Pertanian)</p> <p>6. Bantuan Modal Perniagaan (Penternakan)</p> <p>7. Bantuan Modal Perniagaan (Perikanan)</p> <p>8. Bantuan Modal Perniagaan (Kedai Makan)</p> <p>9. Bantuan Modal Perniagaan (Perkhidmatan)</p> <p>10. Bantuan Alat Kelengkapan Perniagaan</p> <p>11. Bantuan Permulaan Penyewaan Premis</p> <p>12. Bantuan Insentif/Galakan Perniagaan</p> <p>Skim Agihan: Kerohanian</p> <p>1. Bantuan Elaun Guru Kelas Agama Asas</p> <p>2. Bantuan Pemulihan Akhlak</p> <p>3. Bantuan Pemurnian Akidah</p> <p>Skim Agihan: Pendidikan</p> <p>1. Bantuan Tiket Penerbangan (Pendidikan) IPTA/ IPTS Dalam dan Luar Negara Terpilih</p> <p>2. Bantuan Yuran Pendaftaran (IPTA/IPTS) Dalam Negara</p>

Negeri	Jenis dan Skim Bantuan/ Agihan
	3. Bantuan Dermasiswa-Matrikulasi/Asasi
	4. Bantuan Dermasiswa-Sijil/Maahad Tahfiz/ Sekolah Pondok (Tahfiz)
	5. Bantuan Dermasiswa- Diploma Dalam Negeri (IPTA/IPTS)
	6. Bantuan Dermasiswa- Ijazah Pertama Dalam Negeri (IPTA/IPTS)
	7. Bantuan Dermasiswa- Tamhidi dan Ijazah Pertama Bidang Keagamaan (Mesir)
	8. Bantuan Dermasiswa- Ijazah Pertama Bidang Keagamaan (Jordan)
	9. Bantuan Dermasiswa- Ijazah Perubatan, Pergigian dan Farmasi (Mesir)
	10. Bantuan Dermasiswa- Ijazah Perubatan (Jordan)
	11. Bantuan Dermasiswa- Ijazah Pertama Bidang Keagamaan (Indonesia)
	12. Bantuan Dermasiswa- Ijazah Pertama Bidang Perubatan (Indonesia)
	13. Bantuan Dermasiswa- Ijazah Pertama Bidang Keagamaan (Morocco)
	14. Bantuan Dermasiswa- Politeknik, UiTM (Diploma)
	15. Bantuan Dermasiswa- ILD, IKMAS (Sijil)
	16. Bantuan Dermasiswa- ILD, IKMAS (Diploma)
	17. Bantuan Dermasiswa- IDIP, PERKIM (Sijil)
	18. Bantuan Dermasiswa- IDIP, PERKIM (Diploma)
	19. Bantuan Khas Pendidikan
	20. Bantuan Pendidikan Saudara Baharu (Kelas Bimbingan)
	21. Bantuan Bayaran Kelas Tuisyen
	22. Bantuan Seminar Motivasi Pelajar
	23. Bantuan Insentif/Anugerah Pelajar Cemerlang

Negeri	Jenis dan Skim Bantuan/ Agihan
<b>Perlis</b>	<p>Skim Bantuan Zakat MAIPs</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bantuan Sarahidup</li> <li>2. Bantuan Pengurusan Jenazah</li> <li>3. Bantuan Pakaian</li> <li>4. Bantuan Rawatan Perubatan</li> <li>5. Bantuan Pakaian Persekolahan</li> <li>6. Bantuan Persekolahan Menengah/Rendah</li> <li>7. Bantuan Sekolah</li> <li>8. Bantuan Latihan Kemahiran</li> <li>9. Bantuan Modal</li> <li>10. Bantuan Elektrik/Air</li> <li>11. Bantuan Baikpulih Rumah/Bina Baru</li> <li>12. Bantuan Bencana</li> <li>13. Bantuan Kecemasan Luar Jangka</li> <li>14. Bantuan Zakat Perkahwihan</li> <li>15. Saguhati Memeluk Islam</li> <li>16. Bantuan Saudara Baru</li> <li>17. Bantuan Pelajaran</li> <li>18. Bantuan Pelajaran Timur Tengah</li> <li>19. Bantuan Sekolahli/Institusi Agama</li> <li>20. Bantuan Aktiviti Keagamaan (Islam)</li> </ol> <p>*Skim Umum Asnaf tertakluk kepada Majlis Agama Islam Perlis</p>
<b>Perak</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bantuan Bulanan</li> <li>2. Bantuan Rumah</li> <li>3. Bantuan Sewa Rumah</li> <li>4. Bantuan Perubatan</li> <li>5. Bantuan Aidilfitri</li> <li>6. Bantuan Kecemasan / Segera</li> <li>7. Bantuan Pengurusan Jenazah</li> <li>8. Bantuan Persekolahan</li> <li>9. Saguhati Galakan Kelas Fardhu Ain</li> <li>10. Bantuan Modal</li> <li>11. Program Kursus Dan Latihan</li> </ol>

Negeri	Jenis dan Skim Bantuan/ Agihan
<b>Kelantan</b>	<p>Program Asnaf Muaf</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bantuan am saudara baru</li> <li>2. Bantuan pelajaran</li> <li>3. Bantuan penyelenggaraan projek</li> <li>4. Bantuan dakwah orang asli dan bukan Islam</li> <li>5. Bantuan untuk pertubuhan/tarbiah</li> <li>6. Lain-lain bantuan khas perayaan</li> </ol> <p>** Program ini dilaksanakan oleh Bahagian Agama MAIK</p>
<b>Sarawak</b>	<p>Program Mengukuhkan Tradisi Keilmuan</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bantuan Kemasukan Ke Institusi Pengajian Tinggi</li> <li>2. Bantuan Pengajian Sekolah Rendah/Menengah (Yuran/Kelengkapan Persekolahan)</li> <li>3. Bantuan Pengajian Diperingkat Sijil/Kursus</li> <li>4. Bantuan Pengajian Ke Timur Tengah</li> <li>5. Bantuan Pengajian IPT Bidang Agama</li> <li>6. Bantuan Pengajian Sekolah Agama/Arab</li> <li>7. Bantuan Pengajian Maahad Tahfiz Al-Quran</li> <li>8. Bantuan Kertas Projek (TESIS)</li> </ol> <p>Program memantapkan Kebajikan Ummah</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bantuan Rawatan / Perubatan Dan Pembedahan Kepada Pesakit</li> <li>2. Bantuan Fardhu Kifayah</li> <li>3. Bantuan Sara Hidup Fakir Miskin</li> <li>4. Bantuan Kecemasan/Bencana Alam</li> <li>5. Bantuan Pembangunan Modal Insan</li> <li>6. Bantuan Am bagi Asnaf Muaf</li> <li>7. Bantuan Untuk Musafir Yang Terkandas Dari Dalam Dan Luar Negeri (Ibnu Sabil)</li> <li>8. Bantuan Bagi Asnaf Al-Gharimin (Menyelesaikan Hutang)</li> <li>9. Al-Rahnu (Tebus Gadai)</li> </ol>

Negeri	Jenis dan Skim Bantuan/ Agihan
	<p>Program Membangun Institusi Islam</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bantuan Am Masjid dan Surau</li> <li>2. Bantuan Kepada Badan-Badan Kebajikan dan Organisasi untuk kerja kemasyarakatan</li> <li>3. Bantuan Kepada Sekolah Agama Islam</li> <li>4. Bantuan Kepada Institusi/ Badan Dakwah</li> <li>5. Bantuan Untuk Seminar Dan Bengkel Pendidikan Pelajar</li> <li>6. Bantuan Gran Tahunan</li> <li>7. Bantuan Kepada Aktiviti-aktiviti Keagamaan Dan Keraian Islam</li> </ol> <p>Dana Ibnu Khaldun</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Biasiswa Dana Ibnu Khaldun</li> </ol> <p>Program Mengukuhkan Tradisi Keilmuan</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi</li> </ol> <p>*Skim Umum Asnaf tertakluk kepada Tabung Baitulmal Sarawak</p>
<b>Wilayah Persekutuan</b>	<p>Skim Bantuan Kepada Asnaf Mualaf:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Skim Bantuan Kewangan Bulanan</li> <li>2. Skim Bantuan Aidilfitri</li> <li>3. Skim Bantuan Takaful Asnaf</li> <li>4. Skim Bantuan Perumahan Bantuan Deposit Sewa Rumah Dan Sewa Rumah Bulanan, Bantuan Membina / Membaiki Rumah Dan Deposit Membeli Rumah Kos Rendah</li> <li>5. Skim Bantuan Perubatan Haemodialisis, Bantuan Peralatan Kesihatan, Bantuan Perubatan Am</li> <li>6. Skim Bantuan Keusahawanan, Bantuan Perniagaan, Bantuan Pertanian/Perikanan/ Penternakan</li> </ol>

	<ol style="list-style-type: none"> <li>7. Skim Bantuan Pengangkutan, Bantuan Motosikal OKU, Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi, Bantuan Deposit Van/Bas Sekolah</li> <li>8. Skim Bantuan Perkahwinan</li> <li>9. Skim Bantuan Guaman Syarie</li> <li>10. Skim Bantuan Kecemasan</li> <li>11. Skim Bantuan Musibah</li> <li>12. Skim Bantuan Am Pelajaran/ Persediaan IPT</li> <li>13. Skim Bantuan Pakaian dan Peralatan</li> <li>14. Skim Bantuan Tuisyen</li> <li>15. Skim Bantuan Agensi-Agensi Kebajikan dan Institusi Pendidikan</li> </ol>
<b>JAWHAR</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bantuan Sagu Hati Hari Raya</li> <li>2. Bantuan Kewangan Bulanan</li> <li>3. Bantuan Sagu Hati Galakan Saudara Baru</li> <li>4. Bantuan Sambutan Hari Kebesaran Islam</li> <li>5. Bantuan Peralatan Penyelenggaraan Komputer</li> <li>6. Bantuan Berkhatan</li> <li>7. Bantuan Perkahwinan</li> <li>8. Bantuan Sumbangan Badan/Persatuan Saudara Baru</li> <li>9. Bantuan Pembinaan Rumah Individu</li> <li>10. Bantuan Membaik Pulih Rumah</li> <li>11. Bantuan Sewa Rumah</li> <li>12. Bantuan Pengurusan Rumah Perlindungan</li> <li>13. Bantuan Modal</li> <li>14. Bantuan Aktiviti/Lawatan Sambil Belajar</li> <li>15. Bantuan Elaun Kehadiran Kelas Agama Asas</li> <li>16. Bantuan Kursus/Latihan</li> <li>17. Bantuan Pengurusan Jenazah Mualaf</li> </ol>

Jadual 1: Skim Bantuan/Agihan Zakat kepada Asnaf Mualaf Menurut Negeri-Negeri di Malaysia



### **Analisis Skim Bantuan Asnaf Mualaf Di Negeri-Negeri Seluruh Malaysia**

Berdasarkan jadual 1 Skim Bantuan Zakat Bagi Asnaf Mualaf Mengikut Negeri-Negeri di Malaysia, penyelidik mendapati bahawa skim bantuan yang disediakan merangkumi bantuan asas yang diperlukan oleh asnaf mualaf seperti bantuan kewangan, pendidikan, sara hidup dan perubatan. Kebanyakan negeri menyediakan skim bantuan yang hampir serupa dengan negeri yang lain, namun masih terdapat lakuna di beberapa buah negeri. Secara umumnya, skim bantuan tersebut dapat dirumuskan seperti jadual di bawah:

Bil	Perkara	Pulau Pinang	Selangor	Kedah	Terengganu	Johor	Kelantan	Negeri Sembilan	Pahang	Melaka	Wilayah Persekutuan	Sabah	Perlis	Perak	Sarawak	JAWHAR
1.	Bantuan Kewangan				/	/				/	/				/	
2.	Bantuan Sara Hidup				/						/	/			/	
3.	Bantuan Makanan									/						
4.	Bantuan Pendidikan / Persekolahan*	/	/		/	/	/				/	/	/	/	/	
5.	Bantuan Perubatan*	/			/	/	/			/	/	/	/	/	/	
6.	Bantuan Segera/Kecemasan		/		/	/	/				/	/	/	/	/	
7.	Bantuan Bencana Alam / Musibah				/	/	/				/	/	/	/	/	
8.	Bantuan Hari Raya	/	/		/	/	/		/		/	/	/	/	/	
9.	Bantuan Ramadhan							/		/						
10.	Bantuan Perumahan*		/		/	/		/			/	/	/	/	/	
11.	Bantuan Pengurusan Jenazah*		/									/	/	/	/	
12.	Bantuan Perkahwinan	/					/				/					/
13.	Bantuan Guaman/Guaman Syarie										/	/				
14.	Bantuan Tuisyen										/					
15.	Bantuan Agensi Kebajikan dan Institusi Pendidikan										/					
16.	Bantuan Insurans / Takaful											/				
17.	Bantuan Simpanan Tabung Haji dan ASB									/						
18.	Bantuan Kebajikan Saudara Baru	/			/	/		/								

Skim Bantuan Zakat Asnaf Muallaf: Satu Analisis Kontemporari

19.	Bantuan Pembangunan Ekonomi (modal/peralatan)	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
20.	Skim Bantuan Berdikari																		
21.	Skim Bantuan Pembangunan Asnaf	/																	
22.	Skim Bantuan Pengangkutan*																		
23.	Skim Bantuan Am																		
24.	Bantuan Tiket Penerbangan Pesakit Dan Pengiring																		
25.	Bantuan Kewangan Pengiring Pesakit																		
26.	Bantuan Alat Ganti Anggota Badan																		
27.	Bantuan Alat Perubatan/Sokongan Hayat																		
28.	Saguhati Memeluk Islam	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
29.	Bantuan Saudara Baru																		
30.	Bantuan Pengurusan Unit Dakwah		/	/															
31.	Bantuan Berkhatahan		/																
32.	Sumbangan Mengerjakan Umrah																		
33.	Bantuan Latihan Kemahiran																		
34.	Bantuan Sambutan Hari Kebesaran Islam																		
<b>JUMLAH</b>		<b>7</b>	<b>8</b>	<b>3</b>	<b>10</b>	<b>8</b>	<b>7</b>	<b>7</b>	<b>4</b>	<b>10</b>	<b>15</b>	<b>16</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>4</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	

Jadual 2: Rumusan Skim Bantuan yang Disediakan kepada Asnaf Muallaf

\*rujuk Jadual 1 untuk perincian bantuan

Jadual 2 menunjukkan skim bantuan dana zakat yang disalurkan kepada golongan asnaf muafaf di setiap negeri di seluruh Malaysia. Berdasarkan jadual 2 di atas, penyelidik mendapati bahawa skim bantuan yang diagihkan adalah berbeza mengikut negeri di Malaysia.

Secara umumnya, terdapat 34 jenis bantuan yang diberikan kepada asnaf muafaf. Negeri Terengganu, Johor, Melaka, Wilayah Persekutuan serta JAWHAR menyediakan bantuan kewangan kepada golongan muafaf, kecuali negeri Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Sabah, Perlis, Perak dan Sarawak. Negeri-negeri ini menyediakan skim bantuan lain selain bantuan kewangan kepada asnaf muafaf. Di samping itu, dari segi bantuan sara hidup yang diberi secara bulanan, hanya 4 buah negeri sahaja yang menyediakan bantuan ini, iaitu Terengganu, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak. Manakala Melaka merupakan negeri tunggal yang menyediakan bantuan makanan kepada golongan muafaf ini.

Sementara itu berdasarkan jadual 2, penyelidik mendapati hampir keseluruhan negeri di Malaysia menyediakan bantuan pendidikan dan persekolahan yang diperincikan dalam jadual 1 kepada golongan muafaf, kecuali negeri Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Melaka dan JAWHAR. Bagi membantu golongan muafaf yang mengalami masalah kesihatan, penyelidik mendapati terdapat 9 buah negeri menawarkan bantuan berbentuk perubatan, iaitu negeri Pulau Pinang, Terengganu, Johor, Kelantan, Melaka, Wilayah Persekutuan, Sabah, Perlis dan Perak.

Jenis bantuan perubatan ini telah diperincikan dalam jadual 1 dan berbeza mengikut negeri masing-masing. Manakala bantuan segera atau kecemasan seperti kemalangan jalan raya atau di tempat kerja turut diagihkan kepada golongan muafaf. Daripada 14 buah negeri termasuk JAWHAR, hanya 6 negeri sahaja yang menawarkan skim bantuan segera atau kecemasan, iaitu Selangor, Terengganu, Johor, Kelantan, Wilayah Persekutuan serta Perak.

Penghujung tahun 2014 menyaksikan negara Malaysia telah diuji dengan banjir besar yang merupakan banjir kilat paling buruk dalam sejarah Malaysia dan telah melumpuhkan hampir kesemua negeri di semenanjung Malaysia terutamanya negeri-negeri di Pantai Timur. Semua lapisan masyarakat, tidak mengira agama dan bangsa telah mengalami kerugian yang teruk termasuklah golongan muafaf. Untuk meringankan beban mangsa terutamanya asnaf muafaf yang menghadapi musibah tersebut, terdapat 4 buah negeri telah

mengambil inisiatif untuk membantu meringankan beban mereka dengan menyediakan Bantuan Khas Bencana Alam, iaitu negeri Terengganu, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak. Bantuan ini hanya dinyatakan secara umum dan tidak diperincikan jenisnya.

Bantuan Ramadhan dan bantuan hari raya juga merupakan salah satu bantuan yang diberikan kepada golongan mualaf bagi meraikan mereka. Jadual 2 menunjukkan hampir setiap negeri termasuk JAWHAR menyediakan bantuan ini kecuali Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Perlis dan Sarawak. Kebanyakan negeri di Malaysia tidak menyediakan bantuan Ramadhan kepada golongan ini kecuali Negeri Sembilan dan Melaka. Manakala Kedah, Perlis dan Sarawak masing-masing tidak menyediakan kedua-dua bentuk bantuan ini.

Selain bantuan Ramadhan dan Hari Raya, bantuan perumahan juga turut diberikan untuk memastikan penyelesaian yang kondusif kepada asnaf mualaf. Perincian mengenai bantuan ini dinyatakan dalam jadual 2. Negeri-negeri yang menyediakan skim bantuan perumahan adalah Selangor, Terengganu, Johor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan, Sabah, Perlis, Perak serta JAWHAR.

Bantuan pengurusan jenazah serta perkahwinan turut disediakan kepada golongan asnaf mualaf di Malaysia. Negeri Selangor, Sabah, Perlis dan Perak masing-masing menyediakan skim bantuan pengurusan jenazah. Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Wilayah Persekutuan pula menyediakan skim bantuan perkahwinan, manakala JAWHAR menyediakan kedua-dua skim bantuan ini.

Antara bantuan lain yang disediakan kepada asnaf mualaf ialah Bantuan Guaman Syarie, insurans dan takaful, serta bantuan simpanan Tabung Haji dan ASB. Namun hanya sebilangan kecil sahaja negeri yang menyediakan skim-skim bantuan ini. Negeri Sabah menyediakan dua bantuan, iaitu Bantuan Guaman Syarie, insurans dan takaful. Manakala negeri Melaka serta Wilayah Persekutuan masing-masing menyediakan satu bantuan, iaitu Bantuan Guaman Syarie dan bantuan simpanan Tabung Haji dan ASB.

Bagi menjamin kelangsungan hidup serta peningkatan taraf hidup golongan mualaf, bantuan berdikari dan bantuan pembangunan ekonomi (modal dan peralatan) turut disediakan. Negeri Johor ialah satu-satunya negeri yang menyediakan bantuan berdikari manakala Negeri Sembilan, Terengganu, Perak, Melaka, Wilayah Persekutuan, Sabah, Selangor dan JAWHAR menyediakan bantuan pembangunan

ekonomi yang berbentuk bantuan modal ataupun peralatan bagi memulakan sesebuah perngusahaan atau perniagaan dalam pelbagai sektor seperti pertanian, perikanan dan sebagainya.

Jadual 2 juga turut menunjukkan beberapa skim bantuan yang hanya disediakan oleh sebahagian kecil negeri-negeri di Malaysia, seperti bantuan pembangunan Asnaf hanya disediakan di negeri Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Pahang. Skim bantuan am pula hanya disediakan di negeri Kelantan, Melaka, Sabah dan Sarawak. Penyelidik juga mendapati bahawa terdapat empat jenis bantuan khas untuk rawatan perubatan yang melibatkan pesakit dan pengiring pesakit. Bantuan yang dimaksudkan ialah bantuan tiket penerbangan pesakit dan pengiring pesakit, bantuan kewangan pengiring pesakit, alat ganti anggota badan seperti kaki palsu serta bantuan alat perubatan atau sokongan hayat seperti alat haemodialisis. Berdasarkan kajian, hanya negeri Sabah yang menyediakan keempat-empat skim bantuan ini. Negeri Kelantan, Melaka dan Sarawak masing-masing hanya menyediakan bantuan tiket penerbangan.

Pengagihan zakat yang efisien dan menyeluruh mampu memberi semangat kepada golongan mualaf ini dalam mengharungi kehidupan yang serba baru. Hal ini kerana terdapat di antara mereka yang dipinggirkan oleh kaum keluarga selepas memeluk agama Islam. Berdasarkan analisa yang telah dijalankan ke atas jadual 1 dan 2, penyelidik mendapati masih terdapat banyak ruang penambahbaikan dalam aktiviti pengagihan dana zakat. Justeru, penyelidik mencadangkan beberapa penambahbaikan yang wajar dipertimbangkan bagi memperkemaskan lagi pengurusan agihan dana zakat bagi golongan mualaf.

Penyelidik mencadangkan supaya setiap institusi zakat negeri dapat mempertimbangkan untuk mengadaptasikan skim-skim yang disediakan oleh negeri lain yang dirasakan relevan untuk diaplikasikan di negeri masing-masing. Misalnya di Wilayah Persekutuan, penambahbaikan skim yang dicadangkan adalah skim bantuan pengurusan jenazah, skim bantuan berkhatah dan skim bantuan simpanan Tabung Haji.

Penyelidik berpendapat bahawa dengan kewujudan skim bantuan tersebut dapat melengkapkan lagi bantuan sedia ada yang diagihkan kepada golongan asnaf mualaf. Sekaligus, kebajikan asnaf mualaf yang baru memeluk agama Islam akan lebih terpelihara. Cadangan skim bantuan kepada golongan asnaf mualaf ini juga akan dapat memenuhi

keperluan dan kehendak mereka dalam aspek kehidupan yang serba mencabar pada masa kini.

Penyelidik juga mencadangkan agar skim-skim bantuan yang lebih bersifat memelihara kebajikan asnaf mualaf seperti skim pengurusan jenazah yang tidak dituntut untuk mengelakkan daripada berlakunya kes perebutan jenazah antara Muslim dan bukan Muslim. Perkara ini penting untuk menjaga masalah lima iaitu nyawa, agama, akal, keturunan dan harta asnaf mualaf tersebut.

Bantuan berdikari juga amat perlu untuk menjamin pendapatan yang berterusan terhadap golongan asnaf tanpa mengharapkan bantuan sepenuhnya daripada pusat zakat. Sebagai contoh, Pulau Pinang menyediakan skim bantuan seperti Gerak Asnaf Niaga, Gerak Asnaf Jahitan dan sebagainya melalui program pembangunan asnaf. Negeri Sabah juga turut menyediakan skim-skim yang menggalakkan asnaf untuk berdiri di atas kaki sendiri melalui bantuan-bantuan seperti Bantuan Modal Perniagaan (individu dan berkelompok), Bantuan Modal Perniagaan (Kedai Makan) dan sebagainya.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, skim-skim bantuan zakat kepada asnaf mualaf yang disediakan oleh setiap institusi zakat di setiap negeri sama ada melalui unit Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri ataupun Pusat Zakat Negeri adalah berbeza mengikut negeri. Perkara ini mungkin kerana fokus yang diberikan oleh setiap negeri terhadap asnaf mualaf ini turut berbeza. Terdapat beberapa negeri memfokuskan kepada pembangunan ekonomi manakala sebahagian yang lain memfokuskan kepada pendidikan asnaf mualaf.

Namun, di sana ada titik persamaan yang tidak dapat dinafikan bahawa setiap skim yang diperkenalkan adalah untuk memberikan jaminan bahawa kebajikan asnaf mualaf terus dijaga. Penyelidik melihat bahawa masih terdapat ruang penambahbaikan terhadap skim yang disediakan di setiap negeri. Justeru, penyelidik mencadangkan agar institusi zakat negeri dapat menilai skim-skim yang disediakan oleh negeri-negeri lain yang dirasakan relevan untuk diadaptasikan dan dilaksanakan di negeri masing-masing. Penggabungan antara skim-skim yang disediakan tersebut perlu dilaksanakan agar setiap elemen yang difokuskan oleh setiap negeri dapat saling melengkap.

## RUJUKAN

### Al-Quran

- Ibn Manzur, Muhammad bin Makran Ibn Manzur al-Afriqiyy al-Misriyy. (t.th). *Lisan al- 'Arab*, Beirut: Dar al-Bayrut.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qal'ajiyy, Muhammad Rawas. (2010). *Mu'jam Lughat al-Fuqaha'*. Beirut: Dar al-Nafaes.
- Buku Dasar agihan Skim Bantuan Zakat Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
- Bahagian Agihan Zakat, Laporan Tahunan 2012, Majlis Agama Islam Melaka.
- Bahagian Zakat, Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.
- Manual Prosedur Pengurusan Agihan Zakat, Pusat Zakat Sabah.
- Garis Panduan Umum Agihan Zakat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak.
- Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu dalam 'Buku Panduan Skim Agihan Bantuan Zakat', 2007.
- Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dalam brosur 'Zakat Dijana, Asnaf Dibela.
- Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam 'Panduan Permohonan Bantuan Zakat'.
- Bantuan Yang Disediakan. [http://www.zakatkedah.com/?page\\_id=715](http://www.zakatkedah.com/?page_id=715) (diakses pada 9 Julai 2015)
- Jenis Agihan. <http://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/agihan/jenis-agihan> (diakses pada 9 Julai 2015)



MAIWP Salur RM1.5 Juta Wang Zakat Bantu Pesakit Hospital. <http://maiwp.gov.my/i/index.php/berita-maiwp/51-berita-arkib/333-maiwp-salur-rm1-5-juta-wang-zakat-bantu-pesakit-hospital> (diakses pada 9 Julai 2015)

Jenis Agihan Zakat. <http://www.zakatselangor.com.my/jenis-bantuan-umum/> (diakses pada 9 Julai 2015)

Hospital Putrajaya Jadi Tuan Rumah Majlis Penyerahan Bantuan Hospital Tahun 2014. <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/berita-maiwp/483-hospital-putrajaya-jadi-tuan-rumah-majlis-penyerahan-bantuan-hospital-tahun-2014> (diakses pada 9 Julai 2015)

Asnaf. <https://www.tbs.org.my/www/?page=101> (diakses pada 9 Julai 2015)